

# IPP harus timbang beri tarif rendah kepada TNB

UM 17 JUL 2001

KUALA LUMPUR 16 Julai – Pengeluar tenaga bebas (IPP) harus menimbang tarif yang lebih rendah bagi bekalan yang dijual kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB), kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, ia bagi membolehkan syarikat utiliti itu menyerap kos untuk menyediakan keupayaan sokongan.

Menurutnya, perjanjian pembelian tenaga (PPA) seharusnya mengambil kira keupayaan sokongan yang perlu dikekalkan oleh TNB bagi membolehkan tenaga elektrik terus dibekalkan walaupun berlaku kerosakan atau peningkatan permintaan secara mendadak.

"Jika TNB perlu mengekalkan keupayaan sokongan itu, TNB akan dibebani dengan (kos) penyenggaraan loji yang tidak membawa sebarang tenaga elektrik (pendapatan) langsung.

"Ia adalah kos untuk TNB jadi kita harus mengambil kira (perkara itu), mungkin dengan mengurangkan harga tenaga yang dibeli (dari IPP)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum Tenaga Elektrik Malaysia 2001 di Hotel Nikko di sini hari ini.

Di majlis yang sama, Perdana Menteri turut menyaksikan TNB menandatangani perjanjian persefahaman dengan Tokyo Electric Power Company (Tepco), PPA dengan Panglima Power Sdn. Bhd. dan dua perjanjian awal masing-masing dengan SKS Ventures Sdn. Bhd. dan Jimah Power Sdn. Bhd.

Turut hadir ialah Pengerusi TNB, Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis dan

Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Fuad Jaafar.

Menurut Perdana Menteri, adalah tidak adil jika TNB mengekalkan keupayaan sokongan secara bersendirian sedangkan tenaga untuk bekalan biasa terpaksa dibeli dari IPP.

Jumlah permintaan bekalan tenaga Malaysia memuncak pada paras 9,948 Megawatt (Mw) tahun ini berbanding 3,447 Mw pada tahun 1990 dan ia dijangka terus berkembang sebanyak 117 peratus kepada 21,668 Mw pada tahun 2010.

Kira-kira 30 peratus tenaga terpaksa diperuntukkan sebagai keupayaan sokongan bagi memastikan kewibawaan grid elektrik kebangsaan dapat dipertahankan.

## Terpaksa

Berikutan itu, jumlah keupayaan sokongan kira-kira 4,200 Mw tahun ini terpaksa ditambah sehingga kira-kira 9,200 Mw pada tahun 2010.

Utusan difahamkan, TNB terpaksa melaburkan RM3 bilion bagi meniana setiap 1,000 Mw elektrik, bermakna syarikat itu akan membelanjakan kira-kira RM12.6 bilion tahun ini dan RM27.6 bilion pada tahun 2010 untuk mengekalkan keupayaan sokongan tersebut.

Sementara itu, Perdana Menteri dalam ucapan forum dua hari itu berkata, pengalaman buruk pembukaan pasaran elektrik di California dan beberapa buah negara lain mendorong kerajaan mengkaji semula cadangan penyusunan semula pasaran tenaga di negara ini.

"Bagaimanapun, perubahan masih diperlukan. Kita masih percaya

kepada konsep persaingan dan kecekapan tetapi harus mengekalkan faktor kecukupan, boleh dipercayai, kualiti dan jaminan bekalan sebagai keutamaan," kata Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, pengenalan IPP bertujuan untuk memperkenalkan persaingan dalam pasaran tenaga tempatan dan kos pembelian tenaga lebih mahal adalah bersifat sementara sahaja.

"Apa yang perlu kita lakukan sekarang adalah memperbaiki model itu dan kita telah bersedia untuk memperkenalkan proses tawaran telus iaitu IPP bersaing untuk mendapatkan projek tenaga baru," katanya.

IPP yang berjaya mendapatkan kontrak boleh mempergunakan tawaran sebagai asas kepada kontrak pembelian tenaga jangka panjang sebagai alternatif kepada tawaran masa sebenar yang menimbulkan masalah di beberapa buah negara, tambahnya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga telah menubuhkan Suruhanjaya Tenaga pada 1 Mei lalu bagi merangka perancangan industri secara menyeluruh dan lebih cekap.

Antara tugas suruhanjaya itu adalah untuk merancang jumlah keupayaan tenaga, membuat tawaran bagi program pembinaan penjana kuasa, mempromosi penyelidikan dan pembangunan, meningkatkan kecekapan tenaga dan menggalakkan tenaga guna semula, kata Dr. Mahathir.